

RUU Perhimpunan Aman dibentang bacaan kali pertama
The Malaysian Insider
22 November , 2011

KUALA LUMPUR, 22 Nov — Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 dibentangkan di Parlimen pagi ini, selaras dengan pemansuhan Seksyen 27 Akta Polis — memberi kebebasan kepada perhimpunan tetapi dengan beberapa syarat.

Akta baru ini dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Nazri Aziz.

Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 antara lain tidak membenarkan protes jalanan manakala penganjuran perhimpunan awam memerlukan notis 30 hari kecuali peserta berada di kawasan yang ditetapkan oleh Menteri Dalam Negeri.

Menurut undang-undang itu yang dibentangkan untuk bacaan kali pertama menyediakan peruntukan tidak boleh ada perhimpunan di kawasan 50 meter di lokasi-lokasi larangan seperti sekolah, hospital dan tempat beribadat.

Menurut undang-undang baru ini sebaik notis untuk berhimpunan diberikan, perhimpunan boleh diteruskan melainkan ada bantahan daripada polis.

Perhimpunan-perhimpunan serentak boleh diadakan tetapi ia tertakluk kepada budi bicara polis.

Jika perhimpunan balas berpotensi untuk mencetuskan konflik, polis boleh ada hak untuk memberi lokasi alternatif dan masa.

Orang-perseorangan di bawah umur 21 tahun tidak dibenarkan menganjurkan perhimpunan manakala kanak-kanak bawah 15 tahun pula tidak dibenar menyertai perhimpunan kecuali yang berbentuk kebudayaan dan agama seperti perarakan pengebumian atau acara yang diluluskan oleh Menteri Dalam Negeri.

Seksyen 9 (5) juga membolehkan polis mengenakan denda sehingga RM10,000 jika notis awal mahu mengadakan perhimpunan tidak diberi kepada pihak berkuasa.

Seksyen 20 (1) (c) membolehkan polis untuk menahan sesiapa yang membawa atau mengambil kanak-kanak menyertai perhimpunan.

Seksyen 21 (3) membolehkan penunjuk perasaan yang ditahan polis didenda sehingga RM20,000.

Rang undang-undang itu dijangka dibahaskan minggu depan.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ruu-perhimpunan-aman-dibentang-bacaan-kali-pertama/>